



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

AZAM DILAUNG, AMAL DIJUNJUNG

Tarikh Bacaan:

**12 Rejab 1447H
2 Januari 2026M**

**Disediakan oleh:
Cawangan Khutbah & Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**AZAM DILAUNG, AMAL DIJUNJUNG**

12 Rejab 1447H/ 2 Januari 2026M

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ تَعَالَى: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿١﴾ وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنْفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ

هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٢﴾

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan sebenar-benar takwa; melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita beroleh keberkatan di dunia dan keselamatan di akhirat. Di ruangan ini, marilah kita berikan seketika tumpuan kepada khutbah, hindari perkara-perkara *lagha* seperti tidur, berbual-bual dan berinteraksi dengan telefon bimbit. Mudah-mudahan kita meraih kesempurnaan ganjaran solat Jumaat yang dijanjikan.

Memasuki tahun baru 2026, khatib ingin mengajak sidang jemaah menghayati khutbah bertajuk, “**Azam Dilaung, Amal Dijunjung**”.

**Kaum Muslimin Yang Berbahagia,**

Alhamdulillah, dengan limpahan rahmat Allah SWT jua, hari ini kita berada di tahun baru 2026. Terasa seperti sebentar sahaja hari berlalu. Tentunya tahun 2025 meninggalkan banyak memori indah yang tersemat di dalam jiwa, begitu juga sebaliknya. Lalu sebagai hamba, seharusnya kita menginsafi dan bermuhasabah atas setiap apa yang telah kita kerjakan terutama dalam soal ibadah kepada Allah SWT. Maka, detik ini sewajarnya membuka ruang muhasabah dan pembaharuan diri untuk menilai kembali sejauh mana kesungguhan dan iltizam kita dalam memenuhi setiap tuntutan dan peranan yang telah dipertanggungjawabkan.

Muslimin Yang Dikasihi Allah,

Setiap kali melangkah ke tahun yang baru, pastinya kita memasang pelbagai azam dan tekad. Berazam untuk menjadi insan yang lebih baik, lebih dekat dengan Maha Pencipta, berjaya dalam apa sahaja yang dikerjakan dan banyak lagi susunan azam dan impian. Namun persoalannya, mengapa banyak azam kita tidak berhasil dan tercapai? Adakah kerana kita malas, atau kerana kita sering bertangguh? Hakikatnya, azam bukan sekadar kata-kata. Azam boleh diumpamakan sebagai janji antara seorang hamba dengan Tuhannya. Apabila azam tidak dizahirkan dengan tindakan, maka kelak akan terserlah kelemahan kejujuran dan keikhlasan kita kepada Allah SWT. Allah mengingatkan kita dalam al-Quran menerusi firman-Nya di dalam Surah al-Hasyr, ayat 19 yang dibacakan pada permulaan khutbah bermaksud: *“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang telah melupakan (perintah-perintah) Allah, lalu Allah menjadikan mereka melupakan (amal-amal yang baik untuk menyelamatkan) diri mereka. Mereka itulah orang-orang yang fasik - derhaka.”*

**Muslimin *Rahimakumullah*,**

Benar, berazam itu mudah, tetapi istiqamah itu amat sukar dan payah. Istiqamah menuntut pengorbanan yang berterusan. Sesungguhnya Allah SWT tidak menilai berapa kuat kita bermula, tetapi berapa lama kita mampu bertahan kerana amal yang kecil tetapi berterusan lebih dicintai Allah daripada amal besar namun kecundang di pertengahan jalan. Beberapa nasihat dan panduan untuk kita teladani bagi meraih istiqamah dalam beramal. **Pertama:** Perbaiki niat. Istiqamah tidak lahir daripada emosi, tetapi daripada niat yang suci dan murni. Ikhlasikan niat kerana Allah SWT semata-mata tanpa menanti dan mengharap sanjungan, perhatian dan pujian manusia. **Kedua:** Mulakan dengan amal kecil tetapi berterusan. Kesilapan terbesar dalam beramal ialah bermula dengan terlalu banyak yang akhirnya merasa berat dan terbeban. Ingatlah pesanan Rasulullah SAW melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada 'Aisyah *Radiallahuanha*, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ! عَلَيْكُمْ مِنَ الْأَعْمَالِ مَا تُطِيقُونَ. فَإِنَّ اللَّهَ لَا يَمَلُّ حَتَّى تَمَلُّوا.
وَإِنَّ أَحَبَّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ مَا دُوِّمَ عَلَيْهِ وَإِنْ قَلَّ

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! hendaklah kalian beramal menurut kemampuan kamu kerana Allah SWT tidak akan pernah jemu sehingga kamu sendiri yang merasa jemu. Sesungguhnya amalan yang paling disukai Allah SWT, adalah amalan yang dikerjakan secara berterusan meskipun sedikit”

Ketiga: Lazimkan diri dengan amal yang teratur. Beramal tanpa masa akan mudah lenyap dan hilang. Kesibukan tugas dan peranan dalam pelbagai posisi, kedudukan dan jawatan kadangkala mengakibatkan kita lalai dan alpa. Justeru, aturlah masa supaya walau diancam kesibukan dan kepayahan, kita masih mampu untuk menghidupkan amalan secara berterusan. Sebagai contoh, mengamalkan zikir ringkas selepas solat fardu,



membaca al-Quran pada siang hari, berinfak atau menghulur sumbangan dan beristighfar (memohon keampunan) sebelum tidur. Yakinlah, apabila amal terikat dengan waktu, ia pasti meninggalkan kesan yang positif dan baik dalam aturan kehidupan. **Keempat:** Memperbanyakkan doa agar Allah sentiasa memelihara kita. Inilah kunci paling besar. Rasulullah SAW sendiri berdoa memohon ditetapkan hati, kerana hati ini kadang-kadang ia cenderung kepada ketaatan dan kadang-kadang pula ia cenderung kepada kemaksiatan. Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abdullah bin Amru bin Al-Ash *Radiallahuanhuma*, Rasulullah SAW bersabda:

اللَّهُمَّ مُصَرِّفَ الْقُلُوبِ صَرِّفْ قُلُوبَنَا عَلَى طَاعَتِكَ.

Maksudnya: “ Ya Allah, Engkau yang membolak-balikkan hati, palingkanlah hati kami kepada ketaatan beribadah kepada-Mu.”

Jika Rasulullah SAW, seorang yang maksum lagi sempurna amalnya berdoa dan bermunajat kepada Allah sebegitu, siapalah kita untuk terus merasa selamat, selesa dan cukup dengan amalan yang tidak seberapa? Istiqamah adalah nikmat, dan nikmat hanya Allah yang memberi. Berdoalah, kerana Allah SWT menanti-nanti untuk memakbulkan hajat dan permintaan para hamba-Nya.

Muslimin Yang Berbahagia,

Hari ini kita bukan sahaja berada di permulaan tahun baru, bahkan secara tidak sedar kita juga telah berada dalam bulan Rejab, salah satu daripada bulan-bulan haram yang dimuliakan oleh Allah SWT. Rejab bukan sekadar penanda masa, tetapi isyarat daripada Allah agar kita berhenti sejenak, bermuhasabah, dan memperbaharui azam. Maka gunakanlah kesempatan berada di bulan mulia ini bukan sekadar menanti ketibaan Ramadan, tetapi memulangkan hati kepada Allah dengan amal ibadah yang berterusan.



Mengambil ibrah dan semangat bulan haram ini juga, khatib suka untuk mengingatkan para jemaah sekalian, ayuh bersama kita tundukkan pandangan mata daripada keburukan, pelihara lisan daripada perkataan yang melukakan, hindari segala bentuk pergaulan tanpa batas yang menjauhkan diri daripada rahmat Tuhan, berpegang teguhlah dengan apa yang telah disyariatkan, bersyukur dan reda dengan fitrah kejadian insan serta tinggalkan perlakuan dosa yang menghijab penerimaan doa dan keinginan. Teruslah berazam dengan tekad yang jitu untuk menghidupkan kemuliaan Rejab sebelum kita melangkah ke bulan Syaaban dan seterusnya Ramadan. Alangkah beruntungnya jika kita memuliakan bulan ini dengan memperbanyak amalan-amalan sunat yang bukan hanya sebagai persediaan memasuki tarbiah Ramadan kelak, bahkan sebagai amal soleh buat bekalan menuju akhirat. Khatib meninggalkan pesanan buat para jemaah sekalian, ingatlah bahawa azam yang benar itu tidak akan terhenti hanya dengan niat semata-mata, bahkan ianya mesti disusuli dengan pelaksanaan. Sesungguhnya azam yang tidak dilaksana tidak memberi apa-apa makna melainkan dengan amal yang berterusan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
والتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin Yang Dimuliakan Allah,

Mengakhiri khutbah, khatib tinggalkan beberapa pesanan sebagai ingatan bersama:

1. **Berusahalah sedaya upaya** memastikan setiap azam yang telah kita rencanakan berjaya direalisasi melalui amalan dan tindakan. 2. **Hindari sifat malas dan suka bertangguh-tangguh** setelah berazam, supaya kita tidak kecundang dipertengahan jalan. 3. **Rebutlah ruang keberadaan di bulan Rejab** yang mulia ini untuk menjayakan amal soleh yang berterusan buat persediaan menuju tarbiah Ramadan.

Renungi firman Allah SWT melalui Surah al-Ankabut ayat 69:

﴿وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.”



وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:
 إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،
 صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي
 قُدُوكَ بَكِينِدَا يَغِ دَفَرْتَوَانِ اَكُوغُ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمَ. وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغِ مَا مَوْلِيَا سَرِي
 قُدُوكَ بَكِينِدَا رَاكِجِ قُرْمَايسُورِي اَكُوغُ رَاكِجِ زَارِيثِ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ أَصْلَحْ أُمَمَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ وَاتَّبَعَ رِضَاكَ.
 اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رِخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا
 الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّبَا وَالْحَنْنَ، وَسَيِّئِ الْأَسْقَامِ وَسُوءِ الْفِتَنِ، مَا ظَهَرَ
 مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُجَاهِدِينَ
 وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ. وَاحْفَظْهُمْ مِنْ كَيْدِ الظَّالِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْيَهُودَ الْمُجْرِمِينَ
 الْمُعْتَدِينَ، يَا خَيْرَ النَّاصِرِينَ.



Ya Allah, jadikan kami hamba-hamba-Mu yang taat melaksanakan syariat, istiqamah berjemaah mendirikan solat, mengimarahkan masjid dan surau, membina muafakat, bersatu padu dan bekerjasama membangunkan kehidupan yang berkat.

Ya Allah, tautkan hati-hati kami untuk saling mengasihi, memberi bantuan dan menghulur sumbangan. Suburkan iman dan ihsan di jiwa kami untuk mengeluarkan zakat, infak dan berwakaf di Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kurniakanlah ke atas para pembayar zakat dan pewakaf sebaik-baik ganjaran dan limpahan keberkatan.

Ya Allah, bantulah kami untuk ikhlas dan gigih bekerja, sabar berusaha, tabah menabur jasa, jujur dan berintegriti dalam menjunjung amanah agama, bangsa dan negara.

رَبَّنَا آتِنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً وَهَيِّئْ لَنَا مِنْ أَمْرِنَا رَشَدًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ